

► Membaca

Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan ulasan di bawah ini.

SP 2.3.1

AMALAN MENABUNG




IBU BAPA

- Menerapkan amalan menabung dalam diri anak-anak sejak bangku sekolah
- Mengawasi perbelanjaan anak-anak
- Mengamalkan gaya hidup sederhana

PIHAK SEKOLAH

- Mengajukan kempen amalan menabung
- Menggalakkan murid-murid menjadi ahli koperasi sekolah



Amalan menabung amat penting untuk kegunaan masa hadapan anak-anak.

Ibu bapa seharusnya menerapkan (1) _____

_____ sejak bangku sekolah. Mereka harus menggalakkan anak-anak mereka supaya menyimpan sebahagian daripada wang saku harian. Selain itu, ibu bapa juga perlu mengawasi

(2) _____ supaya mereka tidak boros ketika berbelanja. Seterusnya, ibu bapa mestilah mengamalkan

(3) _____ agar amalan ini menjadi ikutan anak-anak. Pihak sekolah pula boleh mengajukan

(4) _____. Contohnya, pihak sekolah boleh bekerjasama dengan pihak bank untuk menggalakkan pembukaan akaun simpanan dengan jumlah yang minimum. Akhir sekali, pihak sekolah juga sewajarnya menggalakkan murid-murid

(5) _____. Oleh itu, murid berpeluang untuk menyimpan wang di koperasi sekolah sekiranya mereka memperoleh dividend pada setiap tahun.

Info Ekstra

Permodalan Nasional Berhad (PNB) memulakan operasinya pada 17 Mac 1978. Pelbagai bentuk simpanan dan pelaburan yang diperkenalkan oleh PNB termasuklah Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan Amanah Saham Wawasan (ASW 2020). Semua ini bertujuan untuk menggalakkan budaya pelaburan dan menambah baik taraf ekonomi masyarakat melalui simpanan yang stabil dan berdaya saing.